

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI SELASA, 5 OKTOBER 2021, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 6

WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI

1. PR-1441-MQT1279
Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan keadaan sekuriti tenaga (*energy security*) di Malaysia pada kala berlakunya krisis tenaga global dan apakah hala tuju untuk meningkatkan sekuriti tenaga negara kita.

2. PR-1441-MQT1278
Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menetapkan paras siling komisen harga jualan bilik melalui OTA (*Online Travel Agent*). Kadar yang dikenakan oleh pihak OTA pada masa kini ialah sekitar 12% - 18% bagi setiap harga bilik amat membebankan kepada pengusaha hotel dan rumah tumpangan terutama musim pandemik ini yang mana kos operasi meningkat.

3. PR-1441-MQT1266
Tuan Cha Kee Chin [Rasah] minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan sejauh manakah Tabika Perpaduan dapat memainkan peranan dalam memupuk nilai-nilai perpaduan dalam masyarakat majmuk, khususnya selepas konsep Keluarga Malaysia diketengahkan oleh YAB. Perdana Menteri, dan apakah peranan yang bakal dipikul oleh Kementerian ini selaras dengan pengenalan konsep Keluarga Malaysia.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI SELASA, 5 OKTOBER 2021, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 13

WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1441-L11446
Dato' Haji Mohd Fasih bin Haji Mohd Fakeh [Sabak Bernam] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan setakat manakah tahap kebolehpasaran graduan semasa pandemik COVID-19 ini dan nyatakan langkah Kementerian bagi menyediakan graduan yang berdaya saing di pasaran pekerjaan termasuk meningkatkan kebolehan insaniah atau *soft skill* di kalangan graduan bagi memastikan graduan memenuhi kehendak industri dan meningkatkan kebolehpasaran graduan semasa dan pasca pandemik COVID-19.

2. PR-1441-L12662
Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah yang dibelanjakan berbanding dengan yang diperuntukkan sejak pandemik COVID-19 melanda Malaysia dan apakah bentuk bantuan wang rakyat dan keberkesanannya.

3. PR-1441-L12000
Tuan Haji Wan Hassan Bin Mohd Ramli [Dungun] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan perkembangan terkini projek ECRL setakat ini dan jangkaan perubahan tarikh siap projek tersebut.

4. PR-1441-L12462
Dato' Wira Haji Amiruddin bin Haji Hamzah [Kubang Pasu] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan berapa jumlah yang telah dibelanjakan daripada RM1 bilion dana jaminan makanan pakej PRIHATIN. Sektor manakah yang mendapat manfaat daripada dana tersebut dan apakah kesan positif hasil daripada dana tersebut.

5. PR-1441-L12076
Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan apakah perancangan terperinci Kementerian di dalam melaksanakan pengambilan khas 18,702 guru gred DG41 seperti yang diumumkan oleh Menteri Kanan Pendidikan sebelum ini.

6. PR-1441-L11844
Tuan Chow Kon Yeow [Tanjung] minta **MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI** menyatakan sebab Pulau Pinang tidak tersenarai berhubung pembaharuan sistem e-Tanah selaras dengan inisiatif *MyDigital*. Apakah status permohonan Pulau Pinang kini. Nyatakan sebabnya sekiranya ia tidak diluluskan. Sekiranya diluluskan, bilakah tempoh pelaksanaannya.

7. PR-1441-L11792
Dato' Seri Haji Idris bin Jusoh [Besut] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah perkembangan semasa Projek Kambing Tenusu yang diusahakan oleh Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) sejak tahun 2017 di Hulu Besut, Terengganu.

8. PR-1441-L11879
Tuan Chang Lih Kang [Tanjung Malim] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan bilangan guru yang telah melengkapkan 2 dos vaksin sehingga 31 Ogos 2021. Dijangka berapa peratusan guru yang akan selesai 2 dos vaksin ketika sekolah dibuka pada 3 Oktober 2021.

9. PR-1441-L12629
Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan :-
 - (a) apakah rancangan pihak Kementerian dalam membantu para petani kampung yang mengusahakan pertanian kecil-kecilan untuk menjualkan hasil tanaman mereka terutamanya di kawasan pinggir bandar; dan
 - (b) apakah inisiatif dan rancangan terkini pihak Kementerian dalam membantu para pengusaha pertanian skala kecil dan sederhana dalam segi kewangan atau peralatan.

10. PR-1441-L12595
Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan status Kerajaan untuk mengkaji semula keputusan menarik balik pengecualian dasar kabotaj kapal asing berkaitan kabel dasar laut yang diwartakan pada 13 November 2020. Keputusan ini telah menyebabkan syarikat gergasi dunia iaitu Facebook, Microsoft, Google dan Amazon Web Service membantah melalui surat kepada YAB Perdana Menteri dan ia bercanggah dengan Pelan Pembangunan Ekonomi Digital Malaysia (MyDigital) .
11. PR-1441-L12148
Tuan Shahrizukirnain bin Abd. Kadir [Setiu] minta **MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI** menyatakan usaha dilakukan bagi mengatasi isu konflik manusia dan gajah yang menyebabkan pengurangan 68 peratus populasi gajah di Malaysia sejak beberapa dekad ini.
12. PR-1441-L12229
Tuan Mordi Bimol [Mas Gading] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan rancangan Kerajaan untuk menambah baik Projek Kampung Tanpa Wayar di kawasan luar bandar yang kini amat diperlukan terutama bagi tujuan pendidikan di musim pandemik.
13. PR-1441-L12276
Dato' Haji Mohd. Salim Sharif [Jempol] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan keberkesanan modul sesi Pembelajaran dan Pengajaran di Rumah (PdPR) dalam menangani isu keciciran pembelajaran dalam kalangan murid.
14. PR-1441-L11878
Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan sama ada Kementerian mempunyai data tentang pertambahan kes keganasan rumahtangga yang berlaku sepanjang pandemik ini.
15. PR-1441-L11533
Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan status kemudahan moratorium yang diberikan kepada pemohon, sama ada wujud faedah terakru serta pecahan dan berapa jumlah hutang isi rumah di negara ini dan cara menguruskannya terutama semasa berlakunya pandemik COVID-19.

16. PR-1441-L12219
Tuan Akmal Nasrullah bin Mohd. Nasir [Johor Bahru] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan usaha-usaha yang telah dijalankan bagi menangani cabaran kesihatan mental dalam kalangan mahasiswa yang telah terbeban sepanjang kelas diadakan secara dalam talian ekoran pandemik COVID-19.
17. PR-1441-L12518
Datuk Robert Lawson Chuat [Betong] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan usaha dan langkah-langkah Kementerian bagi membendung penyakit *African Swine Fever* (ASF) yang telah menular di negeri Sabah dan Sarawak baru-baru ini.
18. PR-1441-L12255
Tuan Teh Kok Lim [Taiping] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan pencapaian teknologi 5G di negara kita setakat ini.
19. PR-1441-L12224
Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Bachok] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan status terkini rancangan penggunaan kru bukan warganegara dalam vesel penangkapan ikan tempatan melalui pelaksanaan Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) Jangka Pendek.
20. PR-1441-L11472
Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan status 800 kandungan pendidikan yang telah diberikan kepada *Radius One* untuk digunakan oleh TV Pendidikan. Apakah insentif yang diberikan kepada para guru yang terlibat di dalam menyediakan bahan-bahan untuk kegunaan DidikTV.
21. PR-1441-L11696
Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan mekanisme dan strategi bagi mewujudkan persekitaran sekolah yang selamat dan tidak menjadi lubuk penyebaran virus COVID-19 apabila sekolah mula dibuka semula memandangkan program vaksinasi bagi pelajar sekolah masih belum diputuskan.
22. PR-1441-L11952
Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan tentang jumlah pemohon yang berjaya dan masih menunggu untuk mendapatkan bantuan bulanan JKM pada tahun 2020 dan 2021.

23. PR-1441-L11768
Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Pandan] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan data tahun manakah yang digunakan bagi penentuan kelayakan penerimaan bantuan-bantuan yang diberikan kepada rakyat, strategi tambahan yang dilakukan bagi memastikan “kesilapan pengecualian” (*exclusion error*) pada tahap paling minimum, dan jumlah rakyat dan jumlah amaun bagi setiap bantuan.
24. PR-1441-L11490
Dato' Sri Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim [Batang Lupar] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah status Dasar Kaunseling Negara yang bakal diperkenalkan bagi menangani isu kesihatan mental dalam masyarakat memandangkan ia merupakan perkara yang sangat kritikal semasa ramai rakyat berdepan dengan tahap kesihatan mental yang membimbangkan akibat pandemik COVID-19.
25. PR-1441-L12118
Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan sama ada peruntukan RM30 juta untuk tujuan penyelenggaraan Sekolah-sekolah Tamil (SJKT) tahun ini telah habis dibelanjakan. Berikan senarai sekolah-sekolah yang menerimanya. Adakah Kementerian Pendidikan akan memohon RM50 juta seperti sebelum ini untuk SJKT bagi tujuan yang sama dalam Belanjawan 2022.
26. PR-1441-L11449
Dato' Haji Mohd Fasih bin Haji Mohd Fakeh [Sabak Bernam] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kedudukan kewangan negara masa kini termasuk jumlah hutang negara terkini serta nyatakan apakah langkah fiskal dan monetari yang akan diambil oleh Kerajaan untuk menangani permasalahan hutang negara ini dan dalam masa yang sama memastikan pembangunan negara terus mapan dan rakyat terus terbela semasa krisis pandemik COVID-19 ini.
27. PR-1441-L12103
Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan perancangan dan kajian yang digerakkan bagi melihat kaedah memastikan aspek kokurikulum kepada pelajar-pelajar sekolah boleh dijalankan walaupun dengan kekangan pandemik.

28. PR-1441-L11589
Tuan Chan Ming Kai [Alor Setar] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan jumlah dan peratus pemilik sawah yang memiliki tanah keluasan 4 relong, 8 relong, 10 relong dan ke atas serta peratusan yang diwakili di dalam PPK serta peratusan kredit yang diterima bagi keempat-empat kategori tersebut.
29. PR-1441-L12050
Tuan Sabri bin Azit [Jerai] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan strategi Kerajaan dalam memastikan sektor ekonomi dapat dirancarkan semula bagi mengimbangi kejatuhan sektor tersebut akibat wabak pandemik COVID-19.
30. PR-1441-L12568
Puan Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan apakah status terkini bilangan laptop yang telah diberikan daripada 150,000 laptop, kepada pelajar dari golongan B40 melalui Yayasan Hasanah dan status peruntukan RM100 juta untuk pinjaman laptop bagi pelajar yang menerima pinjaman PTPTN.
31. PR-1441-L11460
Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan bentuk pemantauan yang telah dilaksanakan terhadap penyakit kulit kental berbonjol (*Lumpy Skin Disease*) yang boleh menjangkiti lembu ternakan, dan aspek penguatkuasaan yang telah dilakukan terhadap kesihatan dan kualiti daging-daging lembu yang dibekalkan ke seluruh negara, khususnya Sabah.
32. PR-1441-L11759
Puan Hajah Natrah binti Ismail [Sekijang] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan apakah usaha pihak Kementerian dalam membantu pekebun-pekebun kecil, penternak dan nelayan di mana mata pencarian mereka telah terjejas teruk ekoran daripada pandemik ini.
33. PR-1441-L11495
Dato' Sri Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim [Batang Lupar] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan cabaran yang dihadapi oleh murid-murid luar bandar yang gagal mendapat didikan melalui kaedah PDPR akibat kekangan peranti dan komunikasi yang bertentangan mengikut Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak dan juga Falsafah Pendidikan Negara di mana semua kanak-kanak mempunyai hak mendapat pendidikan.

34. PR-1441-L12415
Datuk Rozman bin Isli [Labuan] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah projek dan perolehan (mengikut bilangan dan nilai) yang telah diluluskan secara rundingan terus bagi setiap Kementerian semasa tempoh darurat sehingga kini.
35. PR-1441-L11755
Puan Hajah Natrah binti Ismail [Sekijang] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang untuk memperbaiki sukatan pelajaran di sekolah rendah bersesuaian dengan kebolehan yang ada oleh pelajar-pelajar memandangkan ramai pelajar telah tercicir dalam mengikuti sukatan pelajaran disebabkan oleh sesi Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) yang terlalu lama dari pada tahun 2020 hingga kini.
36. PR-1441-L12346
Tuan Yusuf bin Abd. Wahab [Tanjung Manis] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah peruntukan berupa bakul makanan kepada penduduk yang terkesan di kawasan Parlimen Tanjung Manis. Di samping itu, peruntukan untuk menubuhkan bank makanan atau *food bank* juga perlu diberikan memandangkan kesan pandemik ini masih berterusan.
37. PR-1441-L12277
Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Lumut] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah langkah-langkah khusus yang telah atau sedang diambil Kementerian bagi menangani wabak COVID-19 di Pulau Pangkor untuk memulihkan industri pelancongan agar lebih rancak selepas pandemik ini.
38. PR-1441-L11689
Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan statistik pengeluaran i-Sinar oleh pencarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan sejauh mana pengeluaran ini memberi impak langsung yang positif kepada ekonomi negara.
39. PR-1441-L12603
Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah yang sedang diambil untuk menyegerakan proses pelaksanaan '*Gender Responsive Budgeting*' secara substantif dalam pengolahaan Belanjawan 2022 negara secara berkesan untuk menangani impak COVID-19, melalui satu pelan menyeluruh, di semua peringkat kerajaan iaitu peringkat pusat, negeri dan Kerajaan tempatan.

40. PR-1441-L12016
Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah usaha serta tindakan yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan dalam memperkasa sektor-sektor yang boleh meningkatkan hasil pendapatan negara selain hanya tertumpu kepada hasil petroleum.
41. PR-1441-L11513
Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [Wangsa Maju] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan status dan proses pemberian komputer riba percuma memandangkan perkara ini sudah hampir 9 bulan berlalu.
42. PR-1441-L11728
Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan komitmen atau jaminan keselamatan jika sesi persekolahan secara fizikal dibuka semula.
43. PR-1441-L11971
Datuk Seri Panglima Hajah Azizah Binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun [Beaufort] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan berapa jumlah daerah yang telah dinaik taraf capaian internet di Sabah pada tahun ini.
44. PR-1441-L12104
Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan :-
- (a) anggaran perbelanjaan tahunan bagi operasi Talian Kasih 15999 (telefon dan WhatsApp), pecahan jawatan dan tahap kemahiran dalam menangani kes keganasan rumahtangga serta penderaan kanak-kanak; dan
 - (b) mengapa tidak disediakan satu talian khusus untuk aduan penderaan kanak-kanak.
45. PR-1441-L12200
Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan berapakah jumlah kerugian yang ditanggung oleh petani di Daerah Kerian akibat serangan padi 'Bom' atau bena perang pada tahun 2020 dan 2021 dan apakah usaha Kementerian mengatasi masalah serangan padi 'Bom' atau bena di Daerah Kerian .

46. PR-1441-L12153
Tuan Shaharizukirnain bin Abd. Kadir [Setiu] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan sejauh mana strategi *Genetically Modified Organism* (GMO) dalam Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 tidak bercanggah dengan Akta Biokeselamatan 2007 dan tindakan Kementerian bagi memastikan strategi tersebut dilaksanakan dalam ruang lingkup perundangan negara.
47. PR-1441-L11927
Tuan Charles Anthony Santiago [Klang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kadar kelulusan dan jumlah yang dikeluarkan melalui program i-Lestari, i-Sinar dan i-Citra. Nyatakan jumlah dan peratus pencarum KWSP di mana simpanan pekerja tidak mencukupi dan menepati nilai yang disyorkan berdasarkan kategori umur, jantina dan kelas pendapatan.
48. PR-1441-L12378
Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan apakah pendekatan yang akan dilakukan untuk memastikan pembukaan sekolah pada 3 Oktober 2021 adalah selamat bukan sahaja untuk pelajar, tetapi seluruh ekosistem sekolah dan bagaimana Kementerian bercadang untuk menolong pelajar yang ketinggalan terutamanya yang tidak dapat mengikuti "PdPR" ini.
49. PR-1441-L11882
Tuan Wong Ling Bui [Sarikei] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan syarat-syarat kelayakan bagi kemasukan pengajian Matrikulasi.
50. PR-1441-L11917
Tuan Pang Hok Liang [Labis] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian untuk mengatasi masalah liputan internet yang lemah dengan segera bagi memastikan golongan pelajar di kawasan di Parlimen Labis tidak tercicir demi kepentingan masa depan mereka memandangkan tiada jaminan bila masalah COVID-19 ini akan berakhir dan sekolah dapat dibuka semula seperti biasa.
51. PR-1441-L11984
Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan apakah kriteria dan cara pengagihan di bawah Tabung Cerdik seperti berapa banyak komputer riba percuma yang telah Kerajaan agihkan kepada pelajar di Sabah dan berapa ramai pelajar ini dari Sandakan yang sudah menerimanya.

52. PR-1441-L11845
Tuan Su Keong Siong [Kampar] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan perancangan masa depan untuk pendidikan di Malaysia pasca pandemik COVID-19. Apakah rancangan Kementerian untuk murid-murid yang tercicir dari segi pembelajaran dan kekurangan akses teknologi agar mereka dapat mengikut arus pendidikan apabila sekolah dibuka semula.
53. PR-1441-L12094
Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan perkembangan kajian dan cadangan berkenaan impak polisi kabotaj terhadap pelaburan sektor digital serta sektor perkapalan domestik yang melibatkan lima Kementerian lain.
54. PR-1441-L12372
Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan :-
- (a) jumlah kanak-kanak yang telah menjadi anak yatim piatu akibat COVID-19 serta sokongan jangka pendek dan jangka panjang dari segi kewangan, kesihatan mental dan pendidikan; dan
 - (b) komitmen Kementerian untuk membentangkan Rang Undang-Undang Profesion Kerja Sosial dalam masa yang terdekat.
55. PR-1441-L12257
Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan adakah rancangan untuk menghapuskan akta yang tidak membenarkan suami/isteri asing kepada warganegara Malaysia untuk memperolehi visa supaya mereka boleh bekerja di Malaysia, memandangkan isu ini sedang di dalam pemerhatian "CEDAW Review 2018".
56. PR-1441-L12373
Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan sama ada Kementerian akan mengadakan program khas bagi murid-murid yang tercicir dari sekolah kerana pandemik COVID-19. Apakah Kementerian akan membenarkan murid-murid sekolah yang tercicir untuk mengulangi pembelajaran mereka.

57. PR-1441-L11944
Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan apakah pendirian terkini Kementerian tentang pelan pembukaan sekolah (PdP) secara bersemuka.
58. PR-1441-L11831
Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan bagaimanakah kursus-kursus yang bersifat praktikal atau kerja di lapangan dijalankan sejak Mac 2020. Apakah mahasiswa yang mengambil bidang-bidang ini akan diberi kelas intensif tambahan.
59. PR-1441-L11473
Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah polisi yang akan digunakan untuk menyelamatkan IPTS pasca COVID-19. Apakah status usaha sama Kementerian dengan pihak industri dan *business chambers* negara-negara luar berhubung Pendidikan TVET.
60. PR-1441-L12535
Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk meneruskan dengan pendidikan dalam talian (PdPR) di semua sekolah-sekolah di Malaysia dan sejauh mana pendidikan dalam talian telah pun dilaksanakan semasa wabak COVID-19 dan keberkesanannya.
61. PR-1441-L(5)00080
Tuan Cha Kee Chin [Rasah] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan apakah jaminan kepada murid-murid sekolah rendah di Kawasan Fasa 4 Pelan Pemulihan Negara (PPN) seperti Negeri Sembilan yang dikehendaki kembali secara fizikal ke sekolah tidak lama lagi, memandangkan mereka masih belum menerima vaksin, walaupun guru dan kakitangan telah lengkap vaksinasi mereka.

[Pertanyaan di bawah PM.22(5)]

62. PR-1441-L12327
Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan :-
- (a) usaha melengkapkan sekolah-sekolah dengan pengudaraan memadai bagi meminimakan 'aerosol transmission' COVID-19, seiring dapatan "*Workshop on Airborne Transmission of COVID-19*" anjuran US National Academies of Sciences, Engineering, and Medicine; dan
 - (b) butiran tahap ketersediaan pembukaan sekolah (kebangsaan dan swasta) mengikut negeri.

63. PR-1441-L11568
Puan June Leow Hsiad Hui [Hulu Selangor] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan status terkini pelaksanaan projek East Coast Rail Link (ECRL), keputusan jajaran mana yang dipilih oleh Kerajaan dan justifikasi pemilihan jajaran tersebut.
64. PR-1441-L11580
Dr. Lee Boon Chye [Gopeng] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan usaha Kementerian untuk menjamin keselamatan dari segi aspek COVID-19 apabila sekolah mula beroperasi.
65. PR-1441-L(5)00073
Puan Teo Nie Ching [Kulai] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan jumlah peruntukan Sekolah Menengah Persendirian Cina, Kolej Universiti New Era, Kolej Universiti Komunikasi Han Chiang dan Kolej Universiti Southern.

[Pertanyaan di bawah PM.22(5)]

66. PR-1441-L11500
Dato' Dr. Xavier Jayakumar A/L Arulanandram [Kuala Langat] minta **MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI** menyatakan bagaimanakah kajian yang dijalankan oleh Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) sebagai institusi R&D perhutanan dapat menyokong kepentingan hutan bagi menangani perubahan iklim dan apakah langkah-langkah mitigasi yang wajar dilaksanakan oleh sektor perhutanan berkaitan dengan perubahan iklim.
67. PR-1441-L12580
Tuan Chong Chieng Jen [Stampin] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah BSH yang telah dibayar dalam tahun 2020 dan 2021 dan angka pecahan untuk setiap negeri dan wilayah dan bilangan penerima BSH.
68. PR-1441-L12501
Tuan Wong Chen [Subang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) yang telah dikeluarkan dan bakal dikeluarkan untuk tahun kewangan penuh 2021.
69. PR-1441-L11922
Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah kesan pengecualian Malaysia daripada projek kabel bawah laut Apricot dan tindakan susulan Kerajaan.

70. PR-1441-L12403
Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan rancangan pemulihan pendidikan untuk mengatasi '*learning loss*' yang dihadapi oleh pelajar-pelajar sepanjang lebih kurang 2 tahun PdPR. Terutamanya pelajar yang berada di kawasan rangkaian telekomunikasi terhad terutamanya di luar bandar dan pedalaman.
71. PR-1441-L12115
Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan sama ada Kementerian merancang untuk mengurangkan sukatan pelajaran mata pelajaran STEM bagi pelajar-pelajar yang menduduki peperiksaan SPM 2021. Jika tidak, bagaimanakah Kementerian akan membantu pelajar-pelajar SPM yang telah mengalami gangguan dalam proses pengajaran dan pembelajaran akibat penutupan sekolah.
72. PR-1441-L12427
Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan :-
- (a) sehingga 5 September 2021 berapa jumlah unit komputer riba yang telah diagihkan; dan
 - (b) apakah mekanisme pemilikan bantuan komputer riba kepada murid keluarga B40 adakah dalam bentuk pinjaman yang perlu dipulangkan semula.
73. PR-1441-L12586
Tuan Chong Chieng Jen [Stampin] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah jumlah kutipan cukai syarikat dan cukai pendapatan dalam tahun 2019, 2020 and setakat bulan Ogos 2021 dan berapa jumlah kutipan cukai dari negeri Sarawak.
74. PR-1441-L12306
Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau] minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan bagaimanakah pihak Kerajaan berperanan dalam membantu pelajar-pelajar yang tercicir di dalam mod Pengajaran dan Pembelajaran Di Rumah (PDPR) berikutan isu ketidakmampuan mereka untuk membeli peranti pintar sendiri terutamanya pelajar-pelajar yang tercicir di negeri Sarawak.

75. PR-1441-L12260

Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan :-

- (a) anggaran perbelanjaan tahunan bagi operasi Talian Kasih 15999 antara tahun 2015 ; dan
- (b) bilangan pegawai yang ditugaskan untuk mengendalikan Talian Kasih 15999 (telefon dan WhatsApp), pecahan jawatan dan tahap kemahiran dalam menangani kes keganasan rumahtangga serta penderaan kanak-kanak.

76. PR-1441-L12668

Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan kos untuk mengekalkan perkhidmatan tiga atau empat buah Feri ikonik Pulau Pinang dan mengapa ia dibatalkan bertentangan dengan jaminan Menteri Kewangan di Parlimen pada Disember 2020 di Parlimen untuk meneruskan perkhidmatan tersebut.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. **Usul dibuat oleh Perdana Menteri dan masalah dicadangkan :-**

"(a) **BAHAWA** Dewan ini,

menyedari akan cabaran untuk memulih serta menjana semula ekonomi negara bagi mencapai pertumbuhan yang mampan, dengan mengambil kira landskap sosioekonomi pasca COVID-19 dan pencapaian Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016-2020;

merestui usaha Kerajaan untuk merancang dan melaksanakan agenda pembangunan negara yang mampan selaras dengan semangat Keluarga Malaysia, aspirasi Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 dan Agenda Pembangunan Mampan 2030; dan

meluluskan Rancangan Malaysia Kedua Belas bagi tempoh 2021 hingga 2025 yang menetapkan hala tuju strategik bagi mencapai objektif "Malaysia Makmur, Inklusif, Mampan" dengan memberi tumpuan kepada usaha untuk merencanakan kembali pertumbuhan ekonomi, memastikan kemakmuran negara dapat diagihkan secara lebih adil dan saksama serta mengekalkan kelestarian alam sekitar, menurut Kertas Perintah CMD. 1 Tahun 2021.

(b) **BAHAWA** dalam meluluskan Rancangan Malaysia Kedua Belas, Dewan yang mulia ini menyeru seluruh rakyat Malaysia supaya berusaha dengan sepenuh komitmen dan iltizam yang jitu untuk membangunkan negara secara mampan bagi membolehkan setiap ahli Keluarga Malaysia tanpa mengira agama, bangsa dan kaum menikmati taraf hidup yang wajar. "

Menyambung semula Perbahasan atas masalah [4 Oktober 2021]

- | | | | |
|----|-----------------|---|-------------------------------|
| 2. | (D.R 3/2021) | Rang Undang-Undang Langkah-Langkah Sementara bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) (Pindaan) 2021 | Bacaan Kali Yang Kedua |
| | | [Menteri Kewangan] | |
| 3. | (D.R 24/2020) | Rang Undang-Undang Levi Keuntungan Luar Biasa (Pindaan) 2020 | " |
| | | [Menteri Kewangan] | |
| 4. | (D.R 13/2020) | Rang Undang-Undang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pindaan) 2020 | " |
| | | [Menteri Sumber Manusia] | |

5. (D.R 14/2020) Rang Undang-Undang Kilang dan Jentera (Pemansuhan) 2020 **Bacaan Kali Yang Kedua**
- [Menteri Sumber Manusia]**
6. (D.R 15/2020) Rang Undang-Undang Lembaga Angkasa Malaysia 2020 "
- [Menteri Sains, Teknologi Dan Inovasi]**
7. (D.R 12/2020) Rang Undang-Undang Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis 2020 "
- [Menteri Dalam Negeri]**
8. (D.R 2/2021) Rang Undang-Undang Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (Pindaan) 2021 "
- [Menteri Kewangan]**
9. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :-
- "Bahawa mengikut peruntukan perenggan 4(b) Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275], mengambil ketetapan supaya Kerajaan memindahkan sebanyak RM16,500 juta di bawah seksyen 3(1) Akta yang sama, iaitu baki wang terimaan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) dari Januari hingga Ogos 2021 ke Kumpulan Wang Pembangunan".
10. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :-
- "Bahawa mengikut peruntukan perenggan 4(b) Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275], mengambil ketetapan supaya Kerajaan memindahkan sebanyak RM7,000 juta di bawah seksyen 3(1) Akta 275 dan seksyen 4(2) Akta Langkah-Langkah Sementara Bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020 [Akta 830], iaitu baki wang terimaan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) dari Januari hingga Ogos 2021 ke Kumpulan Wang COVID-19".
11. PR-1441-U(27)201
Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang] akan mencadangkan :-
- "Kerajaan supaya meminda Perkara 150(3) Perlembagaan Persekutuan bagi memperjelaskan tatacara pembatalan Proklamasi Darurat dan Ordinan-Ordinan Darurat."
- [Perdana Menteri]**

12. PR-1441-U(27)202

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang] akan mencadangkan :-

"Kerajaan Persekutuan supaya melakukan pindaan Perlembagaan terhadap Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan untuk memberi kuasa Kerajaan-Kerajaan negeri dalam bidang kesihatan awam dan juga aktiviti kegiatan ekonomi."

[Perdana Menteri]

13. PR-1441-U(27)203

Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] akan mencadangkan :-

"Merasai penderitaan rakyat akibat kehilangan insan tersayang akibat COVID-19, kehilangan sumber pendapatan, serta kesukaran meneruskan pembelajaran dan pengajaran dalam sistem persekolahan yang sedia ada;

Menyedari pelbagai masalah dan kecelaruan dalam pembuatan serta pelaksanaan *Standard Operating Procedure* (SOP) yang melibatkan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Kerajaan Tempatan dan Kerajaan di peringkat Kampung;

Menyedari hakikat bahawa struktur Majlis Keselamatan Negara yang ada terbukti tidak dapat merangkumi secukupnya suara pembangkang Persekutuan dan Kerajaan-Kerajaan negeri untuk membentuk muafakat rentas-parti dan rentas Kerajaan yang berkesan untuk menangani pemulihan ekonomi dan kesihatan;

Mengambil maklum dasar dan SOP yang diperlukan untuk menangani wabak COVID-19 mungkin tidak popular pada permulaan dan hanya boleh berjaya jika tanggungjawab politik ditanggung bersama oleh semua parti politik dan Kerajaan negeri sebagai Tim Malaysia untuk meyakinkan masyarakat;

Mengambil maklum pemusatan kuasa dalam bidang kesihatan dan kesihatan awam di bawah Jadual ke-Sembilan Perlembagaan Persekutuan yang telah menghindari Kerajaan-Kerajaan negeri daripada memberikan sumbangan yang lebih besar dalam melawan wabak COVID-19; dan

Menerima hakikat peri pentingnya pandangan dan sokongan Ketua-Ketua Menteri dan Menteri-Menteri Besar, pemimpin-pemimpin kanan parti Pembangkang dan pakar-pakar dalam masyarakat, sektor profesional dan sektor swasta untuk membantu Menteri-Menteri Persekutuan dan pucuk pimpinan perkhidmatan awam, tentera dan polis dalam pembuatan keputusan dasar serta SOP yang inklusif;

Maka Dewan Yang Mulia ini hendaklah bersetuju untuk mencadangkan Kerajaan supaya menubuhkan MAJLIS PERSEKUTUAN - NEGERI UNTUK PEMULIHAN EKONOMI DAN KESIHATAN RAKYAT dengan terma-terma seperti berikut:-

1. Majlis ini dipengerusikan oleh Perdana Menteri dengan Ketua Pembangkang Parlimen sebagai timbalan pengerusi;
2. Dianggotai oleh tiga kumpulan: Pertama, sejumlah menteri termasuk Menteri Pertahanan, Menteri Kesihatan, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Menteri Dalam Negeri, Menteri Pelancongan, Menteri Pendidikan dan Menteri Hal Ehwal Sabah dan Sarawak; Kedua, ahli-ahli parlimen pembangkang yang menggambarkan kepelbagaian parti dan dalam jumlah yang sama; dan ketiga, semua Ketua Menteri dan Menteri Besar daripada 13 buah negeri;
3. Menerima input profesional dan kepakaran daripada sektor ekonomi, kesihatan awam dan pendidikan bersama-sama pucuk pimpinan perkhidmatan awam, tentera dan polis; dan
4. Bermesyuarat setiap minggu sebelum mesyuarat Kabinet untuk menerima laporan dan mengambil tindakan atas perkara-perkara seperti pengangguran dan penutupan perniagaan, jangkitan, kemasukan hospital (*hospitalization*) dan kematian akibat COVID-19, prestasi vaksinasi rakyat ; Pelaksanaan SOP, keadaan persekolahan dan prestasi sektor utama ekonomi;

DAN bersetuju untuk menuntut Perdana Menteri melaporkan status penubuhan MAJLIS PERSEKUTUAN - NEGERI dalam tempoh 60 hari daripada usul ini dipersetujui oleh Dewan Yang Mulia ini. "

[Perdana Menteri]

14. PR-1441-U(27)204

Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] akan mencadangkan :-

"Usul Menambah 13 lagi Jawatankuasa Pilihan Khas sebagai tambahan kepada 9 Jawatankuasa Pilihan Khas yang sedia ada.

Menerima hakikat bahawa terdapat 20 lagi portfolio dalam Kementerian-Kementerian yang belum lagi dimasukkan dalam 9 Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen yang sudah ditubuhkan.

Menyedari tuntutan rakyat agar Ahli-ahli Parlimen memainkan peranan untuk memastikan agar duit cukai mereka digunakan sebaik-baik mungkin untuk kesejahteraan rakyat.

Menyedari juga kewajipan-kewajipan Ahli-ahli Parlimen sebagai tonggak pelaksanaan institusi parlimen sebagai semak dan imbang terhadap Kerajaan dan

Menerima hakikat bahawa masih ada 88 Ahli Dewan Rakyat serta sebilangan Ahli-ahli Dewan Negara yang belum dilantik dalam mana-mana Jawatankuasa Parlimen.

Maka saya dengan ini (bagi pihak 55 Ahli-ahli Dewan Rakyat yang telah menghantar memorandum kepada Tuan Yang di-Pertua mohon supaya ditubuhkan 13 Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen) meminta supaya Dewan Yang Mulia ini membuat ketetapan menubuhkan 13 lagi Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen seperti berikut: Sekiranya jumlah MP bagi setiap PSSC tidak ditambahkan, kami menyeru Kerajaan untuk mempertimbangkan 13 PSSC baharu bagi portfolio-portfolio berikut:

No	Portfolio Menteri	PSSC Sepadan Diperlukan
1	JPM - Hal Ehwal Sabah dan Sarawak	Federalisme dan Desentralisasi*
2	JPM - Hal Ehwal Agama	Hal Ehwal Agama*
3	Hal Ehwal Luar Negeri	Hal Ehwal Luar Negeri
4	Alam Sekitar dan Air	Alam Sekitar dan Air
5	Tenaga dan Sumber Asli	Tenaga dan Sumber Asli
6	Pengangkutan	Pengangkutan**
7	Perumahan dan Kerajaan Tempatan	Perumahan dan Kerajaan Tempatan**
8	Wilayah Persekutuan	Wilayah Persekutuan
9	Sumber Manusia	Sumber Manusia
10	Komunikasi dan Multimedia	Komunikasi dan Multimedia
11	Belia dan Sukan	Belia dan Sukan
12	Pelancongan, Seni dan Budaya	Pelancongan, Seni dan Budaya
13	Perpaduan Negara	Perpaduan Negara
14	Pembangunan Usahawan dan Koperasi	Pembangunan Usahawan dan Koperasi

[Perdana Menteri]

15. PR-1441-U(27)205

Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] akan mencadangkan :-

"Usul Pindaan Perlembagaan Pasal 1(2).

Menerima hakikat bahawa mantan Perdana Menteri Tun Mahathir Mohamad dalam Kerajaan yang lalu sudah pun mengumumkan bahawa Sabah dan Sarawak adalah *equal partner* persekutuan Malaysia. Dan

Menerima hakikat bahawa mantan Perdana Menteri Tan Sri Mahiaddin Yassin juga telah mengumumkan status Sabah dan Sarawak sebagai Wilayah. Dan

Menyedari pelbagai kekeliruan di kalangan anggota perkhidmatan awam dan juga rakyat jelata telah timbul akibat daripada siri pengumuman tersebut.

Menerima hakikat bahawa rakyat Sabah dan Sarawak sudah sekian lama membuat tuntutan agar kedudukan Sabah dan Sarawak sebagai *equal partner* ditunai dan dilaksanakan melalui perundangan. Dan

Menerima hakikat tentang sebutan asal Perlembagaan Persekutuan sebenarnya sudah mengambil kira kedudukan Sabah tersebut sebelum pindaan Pasal 1(2) dilakukan pada tahun 1976.

Maka dengan itu Dewan yang Mulia ini hendaklah membuat ketetapan agar Kerajaan membentangkan pindaan terhadap Pasal 1(2) dengan memasukkan kehendak dan cadangan daripada Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri Sarawak dalam sesi persidangan parlimen kali ini."

[Perdana Menteri]

16. PR-1441-U(27)206

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini memberikan kebenaran menurut Peraturan Mesyuarat 49(1) kepada Yang Berhormat Ahli bagi Kawasan Pengerang untuk mencadangkan Rang Undang-Undang Perlembagaan (Pindaan) 2021 dan Rang Undang-Undang Pemecatan Ahli-ahli Parlimen 2021."

[Perdana Menteri]

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN RAKYAT)**

<u>TAHUN 2021</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
ST. 110	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Universiti Teknologi Malaysia Bagi Tahun 2019	5 Oktober 2021
ST. 120	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Universiti Kebangsaan Malaysia Bagi Tahun 2019	5 Oktober 2021
ST. 122	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Universiti Sains Malaysia Bagi Tahun 2019	5 Oktober 2021
ST. 132	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Bagi Tahun 2019	5 Oktober 2021
ST. 136	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) Bagi Tahun 2019	5 Oktober 2021
ST. 137	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) Bagi Tahun 2019	5 Oktober 2021
ST. 138	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) Bagi Tahun 2019	5 Oktober 2021
ST. 168	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) Bagi Tahun 2019	5 Oktober 2021

****UCAPAN**
(PERATURAN MESYUARAT 17)
(KAMAR KHAS)

Tarikh Ucapan	Ahli Yang Berucap	Tajuk Ucapan	Menteri Yang Bertanggungjawab
1. 05.10.2021 (Selasa)	1. YB Tuan Teh Kok Lim (Taiping)	1. Masalah Calon Peperiksaan SPM 2021 Menghadapi Kertas Ujian Lisan Dan Mendengar Bahasa Malaysia Dan Bahasa Inggeris Serta Kertas Amali Chemistry, Physics Dan Biology	1. YB Menteri Kanan Pendidikan
2. 05.10.2021 (Selasa)	2. YB Puan June Leow Hsiad Hui (Hulu Selangor)	2. Pelan JENDELA Hulu Selangor	2. YB Menteri Komunikasi Dan Multimedia

**** Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**